

PANDUAN PERSARAAN

1. Terdapat beberapa jenis persaraan seperti senarai berikut:

JENIS PERSARAAN	PERINCIAN
Persaraan Paksa Dibawah Seksyen 10 Akta 227/239	<p>Pegawai/pekerja berpencen dikehendaki bersara dari perkhidmatan awam sekiranya</p> <p>📁 Mencapai umur 60 tahun [Seksyen 10]</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Umur persaraan paksa enam puluh tahun yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi seseorang pekerja yang dilantik pada atau selepas 1 Januari 2012.▪ Umur persaraan paksa enam puluh tahun yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang pekerja yang dilantik sebelum 1 Januari 2012 dan telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa enam puluh tahun. <p>📁 Tidak berupaya menjalankan tugas kerana sakit [Seksyen 10(5)(a)]</p> <ul style="list-style-type: none">▪ pegawai/pekerja berpencen yang didapati tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya kerana kelemahan akal dan tubuh yang kekal hendaklah dihadapkan ke Lembaga Perubatan dan berasaskan perakuan lembaga tersebut dikemukakan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri untuk dibersarakan seperti yang digariskan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995. Faedah persaraan termasuk pencer yang tidak kurang daripada satu perlama daripada gaji akhir yang diterima layak diberi kepada mereka pada tarikh persaraan. <p>📁 Pekerjaan pegawai/pekerja telah ditamatkan demi kepentingan awam [Seksyen 10(5)(d)]</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Pegawai/pekerja berpencen yang diketahui oleh ketua jabatan berkelakuan menjelaskan kepentingan awam tetapi tiada tindakan disiplin yang berkesudahan dengan buang kerja ke atas mereka hendaklah dibersarakan. Faedah persaraan kepada mereka akan ditentukan oleh pihak berkuasa pencer dengan satu kadar yang disusutkan. <p>📁 Memberi maklumat palsu bagi maksud pelantikan anggota ke dalam perkhidmatan Awam [Seksyen 10(5)(f)]</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Pegawai/pekerja berpencen yang dilantik pada atau selepas 12.4.1991 hendaklah dibersarakan jika terbukti mereka memberi maklumat palsu bagi maksud pelantikannya ke dalam perkhidmatan awam dengan syarat mereka telah peluang yang munasabah untuk membuat representasi bagi kesnya.

JENIS PERSARAAN	PERINCIAN												
Persaraan Di Atas Kehendak Kerajaan Atau Menteri Di bawah Seksyen 11 Akta 227/239	<p>Sekiranya kerajaan menghendaki dan pegawai/pekerja berpencen pula bersetuju, persaraan seperti berikut boleh juga berlaku:</p> <ul style="list-style-type: none"> 📁 Demi kepentingan negara [Seksyen 11(a)(i)] <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sekiranya kerajaan menghendaki seseorang pegawai/pekerja berpencen untuk dilantik ke satu jawatan lain di bawah kuasa melantik yang berlainan, dan dipersetujui oleh pegawai/pekerja tersebut, maka ia bolehlah diberasarkan demi kepentingan negara. 📁 Demi kepentingan perkhidmatan awam atau perkhidmatan Badan Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerajaan boleh menghendaki seorang Pegawai/pekerja berpencen yang berprestasi rendah atau merosot bagi satu jangkama yang lama atau menghadapi masalah kesihatan yang berpanjangan tetapi tidak sampai ke tahap boleh dihadapkan ke Lembaga Perubatan, sekiranya mereka bersetuju, bolehlah diberasarkan. 												
Persaraan Pilihan Di bawah Seksyen 12 Akta 227/239	<p>Syarat Persaraan Pilihan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Telah disahkan dalam jawatan; ▪ Telah diluluskan Pemberian Taraf Berpencen ▪ Berumur 40 tahun dan ke atas ▪ Mempunyai Tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun yang boleh dimasukira ▪ Permohonan persaraan pilihan disokong oleh Ketua Jabatan dan dikemukakan 6 bulan dari tarikh diperakukan untuk bersara oleh jabatan ▪ Melepas tapisan keutuhan Badan Pencegah Rasuah (bagi Gred 27 dan ke atas sahaja) <p>Bayaran faedah persaraan akan dibuat :-</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #ffcc99;"> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Tarikh lantikan</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Sebelum 12 April 1991</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Pada dan selepas 12 April 1991</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Ganjaran</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Pada tarikh persaraan</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Pada tarikh persaraan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Wang Gantian Cuti Rehat</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Pada tarikh persaraan</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Pada tarikh persaraan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Pencen bulanan</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Apabila mencapai umur 45 tahun bagi semua pegawai perempuan dan 50 tahun bagi pegawai lelaki.</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Apabila mencapai umur 55 tahun bagi pegawai lelaki dan perempuan</td> </tr> </tbody> </table>	Tarikh lantikan	Sebelum 12 April 1991	Pada dan selepas 12 April 1991	Ganjaran	Pada tarikh persaraan	Pada tarikh persaraan	Wang Gantian Cuti Rehat	Pada tarikh persaraan	Pada tarikh persaraan	Pencen bulanan	Apabila mencapai umur 45 tahun bagi semua pegawai perempuan dan 50 tahun bagi pegawai lelaki.	Apabila mencapai umur 55 tahun bagi pegawai lelaki dan perempuan
Tarikh lantikan	Sebelum 12 April 1991	Pada dan selepas 12 April 1991											
Ganjaran	Pada tarikh persaraan	Pada tarikh persaraan											
Wang Gantian Cuti Rehat	Pada tarikh persaraan	Pada tarikh persaraan											
Pencen bulanan	Apabila mencapai umur 45 tahun bagi semua pegawai perempuan dan 50 tahun bagi pegawai lelaki.	Apabila mencapai umur 55 tahun bagi pegawai lelaki dan perempuan											

PENAFIAN

Segala pekeliling dan peraturan yang terdapat dalam Kit Lapor Diri ini tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa. Oleh itu, menjadi tanggungjawab pengguna kit ini untuk mendapatkan maklumat pekeliling dan peraturan terkini di laman web yang berkaitan.